

Air sungai melimpah di
Kampung Rantau Panjang
ketika kejadian yang
berlaku Mei 2013 lalu.

Air sungai hampiri paras bahaya

Penduduk diminta ambil langkah berjaga-jaga, pihak bertanggungjawab buat pemantauan berterusan

BESTARI JAYA - Hujan lebat yang melanda kawasan ini malam kelmarin mengundang resah penduduk di sepanjang sungai di Kampung Rantau Panjang apabila paras sungai di kawasan itu meningkat.

Tinjauan *Sinar Harian* di kawasan itu mendapati, paras sungai yang dicatatkan semalam adalah 7.32 meter menghampiri paras bahaya dan kemungkinan kawasan penempatan itu akan ditenggelami air jika hujan berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Rantau Panjang, Rahim Mohd Yatim, 56, berkata, se-

takat ini pihaknya masih belum menerima sebarang aduan mengenai rumah mereka ditenggelami air.

"Seperti musibah banjir sebelum ini, penduduk akan hubungi saya kalau air sudah melimpah ke kawasan rumah dan saya akan beri arahan kepada mereka untuk berpindah ke Balai JKK Kampung Rantau Panjang.

"Tapi setakat ini masih dalam tempoh berjaga-jaga...saya pun bimbang kalau hujan lagi sebab kawasan itu sering dinaiki air setiap kali hujan lebat," katanya.

Rahim menjelaskan, pihaknya juga akan mengambil pendekatan memantau perkembangan paras air sungai di kawasan kampung itu supaya tindakan awal dapat diambil demi keselamatan lebih 30 keluarga.

"Kalau kejadian musibah dua tahun lalu, memang kawasan yang terjejas agak teruk apabila jumlah mangsa dipindahkan meningkat daripada 97 orang kepada 110 orang membabitkan 32 keluarga.

"Boleh saya sifatkan musibah dua tahun lalu adalah yang terburuk memandangkan paras air sungai mendadak secara tiba-tiba dan melimpah ke kawasan penempatan penduduk sehingga menyebabkan penduduk ti-

dak sempat menyelamatkan harta benda," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Bestari Jaya/Hulu Tinggi, Hanis Zahari berkata, pihaknya turut dimaklumkan mengenai paras air sungai terbabit yang mungkin melepasi paras bahaya jika hujan melanda kampung itu untuk tempoh yang lama.

"Bagaimanapun, saya turut meminta ketua kampung mengambil langkah berjaga-jaga dari masa ke semasa, bukan sahaja di kampung itu tapi beberapa kampung lain dalam mukim Bestari Jaya," katanya.

Penduduk enggan pindah

Penghulu Mukim Ijok/Api-Api, Husain Idris menjelaskan, sebanyak lima rumah di Kampung Seri Sentosa terjejas akibat limpahan air Sungai Buloh yang naik mendadak selepas hujan lebat malam kelmarin.

Menurutnya, air naik mendadak sehingga paras lebih empat meter bagaimanapun penduduk yang terjejas enggan berpindah dan masih menunggu air surut yang dilaporkan pada jam 11 pagi semalam.

"Kawasan penempatan itu sering dinaiki air sebab berhampiran sungai tapi akan surut lepas lebih 10 hingga 12 jam air bertakung di halaman rumah.

"Penduduk sentiasa maklumkan perkembangan mereka melalui media sosial dan SMS, tapi saya turut minta ketua kampung ambil langkah-langkah keselamatan kalau banjir berulang.

"Kita sudah sedia pusat penempatan sementara banjir di Masjid At Taufiqiah seperti tahun-tahun lepas dan akan arahkan penduduk berpindah jika keadaan mendesak dan membahayakan," katanya.

Kemas kini maklumat

Sementara itu, Pegawai Daerah Kuala Selangor, Suliman Abd Rahman



Musibah banjir yang berlaku di Kampung Seri Sentosa pada Disember 2012 sehingga penduduk terpaksa berpindah ke pusat penempatan banjir.



RAHIM



HUSAIN



HANIS

Cecah 7.17 meter

Dalam pada itu, sumber Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Selangor memaklumkan, paras air sungai di Kampung Rantau Panjang setakat jam 5 petang semalam adalah 7.17 meter yang mana menghampiri 0.07 meter paras bahaya.

"Jika paras normal di musim kering hanya 4.5 meter sahaja tapi ketika musim hujan, paras sungai mampu mencapai sehingga enam ke tujuh meter. Setakat ini kita mengambil langkah berjaga-jaga dan pemantauan berterusan," katanya.



Paras air di Kampung Rantau Panjang menghampiri paras bahaya.